

**KAJIAN SOSIOPERUNDANGAN PERKAHWINAN MERENTASI SEMPADAN DI
NUSANTARA
[SOCIO LEGAL RESEARCH ON CROSS-BORDER MARRIAGE IN THE MALAY
ARCHIPELAGO]**

^{*1}Muhamad Helmi Md Said, ²Noraini Md Hashim, ³Nora Abdul Hak, ⁴Roslina Che
Soh@Yusoff, ⁵Fauziah Hani Ahmad Fuzi & ⁶Khairulshuhadah Yaakob

¹ Faculty of Laws, National University of Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

^{2,3,4} Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University Malaysia, P.O. Box 10,
50728 Kuala Lumpur, Malaysia.

^{5,6} Chief Registrar's Office Federal Court of Malaysia, Level 3, Istana Kehakiman, Precint 3,
62506 Putrajaya, Malaysia.

*Corresponding author: mhelmisaid@ukm.edu.my

Received: 30 Mar 2019

Accepted: 4 May 2020

ABSTRAK

Latar belakang dan tujuan: Rentetan dari pertambahan bilangan perkahwinan merentasi sempadan dan penyelidikan yang terhad mengenainya, penyelidikan ini telah dijalankan bertujuan untuk membincangkan aplikasi undang-undang dan amalan-amalan dalam perkahwinan merentasi sempadan dalam kalangan Muslim di Malaysia.

Metodologi: Penyelidikan ini telah dijalankan menggunakan pendekatan kajian sosioperundangan dan kaedah kualitatif. Data telah diperoleh melalui sesi temu bual dengan 11 informan yang terdiri daripada pegawai pejabat agama di Malaysia, Pegawai pejabat agama di Selatan Thailand, Pegawai Konsulat Malaysia di Songkhla, Thailand dan juga pasangan-pasangan yang telah mengamalkan perkahwinan merentasi sempadan. Selain itu, analisis dokumen juga digunakan bagi menganalisis statut dan kes-kes yang diputuskan oleh mahkamah.

Dapatan Kajian: Hasil penyelidikan menunjukkan bahawa amalan perkahwinan merentasi sempadan dalam kalangan Muslim di Malaysia berlaku disebabkan oleh pelaksanaan undang-undang yang begitu ketat di samping tahap keterbukaan pasangan yang terlibat dalam perkahwinan merentasi sempadan dalam menerima perkahwinan merentasi sempadan ini. Kajian juga menunjukkan bahawa ketiadaan peruntukan yang khusus berkaitan perkahwinan merentasi sempadan ini menyebabkan timbul isu perundangan di peringkat global yang perlu diselesaikan melalui instrumen antarabangsa.

Sumbangan: Kertas penyelidikan ini merupakan satu permulaan kepada penyelidikan yang lebih terperinci terhadap perkahwinan merentasi sempadan iaitu hasil dari penyelidikan akan digunakan sebagai penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang yang sedia di Malaysia pada masa kini.

Kata kunci: Perkahwinan merentasi sempadan, prosedur perkahwinan, sosio-perundangan, undang-undang keluarga Islam, undang-undang ketat.

ABSTRACT

Background and Purpose: Due to the increase in the number of cross-border marriage and limited research available in the area, the paper sets on discussing the application of the related laws and practices that surround cross border marriage among the Muslims in Malaysia.

Methodology: This research used the socio-legal approach and qualitative method. The data had been obtained through interviews with 11 informants, consisting of officials of the religious office in Malaysia and in Southern Thailand, officials of the Malaysian Consulate in Songkhla, Thailand as well as couples who practised cross-border marriage. Apart from that, analysis document had been used to analyse statutes and reported cases.

Findings: This research shows that the practice of cross-border marriage among Muslims couples in Malaysia is due to strict implementation of the law and their acceptance and openness in going for cross-border marriage. The lacuna of specific provisions relating to cross-border marriage in the law has led to global legal issues that require resolution using international instruments.

Contributions: This article is hoped to pave the way for a more comprehensive study on the cross-border marriage which the findings will be useful to further improve the current legal provisions in Malaysia.

Keywords: Cross-border marriage, Islamic family laws, strict laws marriage procedure, socio-legal.

Cite as: Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abdul Hak, N., Che Soh, R., Ahmad Fuzi, F. H., & Yaakob, K. (2020). Kajian Sosioperundangan perkahwinan merentasi sempadan di nusantara [Socio legal research on cross-border marriage in the Malay Archipelago]. *Journal of Nusantara Studies*, 5(2), 129-151. <http://dx.doi.org/10.24200/jonus.vol5iss2pp129-151>

1.0 PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang lengkap dan menyeluruh yang merangkumi setiap aspek kehidupan manusia. Bagi memperkukuhkan institusi kekeluargaan, Islam telah menyenaraikan garis panduan dan peraturan yang sempurna demi memastikan kebajikan dan keharmonian sesebuah rumah tangga. Sistem Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia, dilaksanakan dengan tujuan untuk menjaga dan memelihara sesebuah perkahwinan. Perkahwinan sah hanya akan diiktiraf setelah memenuhi dua prinsip asas iaitu rukun nikah serta mematuhi Akta atau Enakmen Keluarga Islam yang telah ditetapkan oleh setiap negeri di Malaysia.

Perkahwinan juga merupakan salah satu *Sunnah* Nabi Muhammad SAW, namun telah disalahgunakan oleh sesetengah pihak semata-mata untuk memenuhi tuntutan hawa nafsu mereka. Perkahwinan merentasi sempadan atau lebih dikenali sebagai Kahwin Lari merupakan satu aktiviti yang bertentangan di sisi undang-undang di Malaysia iaitu pernikahan dilangsungkan tanpa keizinan daripada pihak berkuasa yang kebiasaannya dilakukan di sempadan negara. Ketiadaan peruntukan khas telah menyebabkan perkara ini menjadi pilihan pasangan Muslim sekaligus menyebabkan hal ini sukar untuk ditangani.

Perkahwinan merentasi sempadan boleh didefinisikan sebagai perkahwinan tanpa kebenaran oleh Pendaftar Perkahwinan di setiap negeri dan Hakim Mahkamah Syariah di setiap negeri. Seksyen 16(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 pada muka surat 22 menyatakan bahawa “Apabila dikehendaki untuk mengakadnikahkan sesuatu perkahwinan dalam Wilayah Persekutuan, tiap-tiap satu pihak kepada perkahwinan yang dicadangkan itu hendaklah memohon dalam borang yang ditetapkan untuk kebenaran berkahwin kepada Pendaftar bagi kariah masjid di lokasi pihak perempuan itu bermastautin”. Perkahwinan merentasi sempadan telah mencetuskan pelbagai isu dan polemik kepada rakyat Malaysia terutamanya golongan Muslim dan Melayu khususnya dalam hal pendaftaran perkahwinan

terutama melibatkan kesahan perkahwinan serta kesan terhadap status kelahiran anak dan perwarisan harta pusaka.

Terdapat lima wilayah di Selatan Thailand yang terkenal dan mudah bagi rakyat Malaysia melangsungkan perkahwinan tanpa kebenaran oleh Pendaftar Perkahwinan di Malaysia iaitu di Wilayah Satun, Songkhla, Yala, Narathiwat dan Pattani. Objektif bagi penulisan ini ialah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi perkahwinan merentasi sempadan yang berlaku di Malaysia serta membuat cadangan bagi meningkatkan rangka kerja dari sudut sosio-perundangan berkenaan perkahwinan merentasi sempadan.

2.0 SOROTAN LITERATUR

Undang-undang keluarga Islam berkaitan rukun nikah adalah jelas dan mudah. Undang-undang ini tidak bermaksud untuk membebankan pihak-pihak tertentu dalam sesebuah perkahwinan. Bahkan, ia bertujuan untuk memastikan bahawa perkahwinan yang bakal didirikan tidak memberi masalah kepada pasangan atau ahli keluarga mereka. Namun begitu, terdapat pasangan-pasangan yang lebih gemar memilih untuk berkahwin merentasi sempadan kerana mereka beranggapan prosedur yang telah ditetapkan dalam undang-undang keluarga Islam di setiap negeri adalah terlalu rumit (Ghulam Khan, Hashim, A. Shukor, & Yusof, 2012). Prosedur yang ketat ini telah menyebabkan pasangan-pasangan memilih untuk berkahwin merentasi sempadan Malaysia (Matthew & Johan, 2005). Matthew dan Johan dalam hasil penyelidikan mereka mendapati bahawa proses permohonan untuk berkahwin di antara rakyat Malaysia dan warga asing mengambil masa yang lama dan melibatkan karenah birokrasi yang rumit (Matthew & Johan, 2005). Menurut Mohamad (2008), pelbagai jenis borang perlu diisi dan proses ini memakan masa yang agak lama sebelum pasangan tersebut dapat melangsungkan perkahwinan. Tambahan lagi, setiap pasangan perlu melalui satu sesi temu duga dan menyertai kursus pra-perkahwinan dan mereka harus membayar sejumlah yuran untuk menduduki kursus yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam di setiap negeri. Selain itu, menurut penyelidikan yang dijalankan oleh Mohamad (2008), 12 responden (15 peratus) telah melangsungkan perkahwinan di negara jiran kerana mereka beranggapan bahawa undang-undang yang dikenakan ke atas mereka adalah sangat ketat dan membebankan. Selain daripada itu, sekiranya pasangan terbabit berasal dari negeri yang berlainan, mereka perlu mendapatkan kebenaran daripada Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujukan di negeri mereka bermastautin. Banyak borang-borang yang perlu diisi dan itu mengambil

masa yang lama sehingga perkahwinan tersebut dapat dilangsungkan (Mohamad, 2008). Lebih-lebih lagi, pasangan itu perlu melalui proses temuduga dan mengambil bahagian dalam satu kursus pra-perkahwinan dimana mereka perlu membayar sejumlah yuran untuk duduk dan mendengar ceramah-ceramah yang dianjurkan oleh Jabatan Agama Islam di setiap negeri (Mohamad, 2008). Selain itu, mereka juga perlu mengambil ujian klinikal HIV. Ujian ini juga akan melibatkan beberapa kos dan pasangan terbabit perlu membayarnya. Walaubagaimanapun, kesemua prosedur-prosedur ini tidak terpakai bagi perkahwinan yang diakadnikahkan di Majlis Agama Islam di Selatan Thailand.

Kebiasaannya, pasangan yang telah berkahwin di Selatan Thailand dan Indonesia akan mendaftar perkahwinan tersebut setelah mereka pulang ke Malaysia. Mereka mendapati bahawa hukuman yang dikenakan oleh pihak Mahkamah adalah terlalu rendah dan boleh dibayar (Md Hashim, 2009; Abd Hak, Md Said, Md Hashim, & Che Soh, 2017; Md Said, Md Hashim, Abd Hak, Wok, & Che Soh, 2019). Pada kebiasaannya mereka juga mempunyai peluang untuk mendaftarkan perkahwinan mereka (Arifin, 2009). Justeru itu, mereka memilih untuk berkahwin merentasi sempadan. Tambahan pula, kerajaan Malaysia juga telah mengiktiraf beberapa wilayah di Selatan Thailand dan Indonesia sebagai tempat yang sah kepada rakyat Malaysia untuk berkahwin (Mohammad, 2009). Md Hashim (2011) hanya membincangkan profil responden dengan merujuk kepada fail kes yang diperolehi dari Mahkamah Syariah di beberapa negeri terpilih. Beliau menyatakan bahawa undang-undang yang begitu ketat serta prosedur perkahwinan yang terlalu mudah dan ringkas menyebabkan warga Malaysia memilih untuk melangsungkan perkahwinan di Selatan Thailand.

Selain daripada itu, Majlis Agama Islam di Selatan Thailand juga telah mengawal selia peraturan yuran yang harus dibayar oleh mereka yang ingin berkahwin di Selatan Thailand (Mohammad, 2009). Yuran yang perlu dibayar oleh pasangan untuk berkahwin di Selatan Thailand adalah dalam lingkungan RM300.00 (Mohammad, 2009). Justeru itu, kos dan yuran yang terlalu murah untuk melangsungkan perkahwinan ini menjadi salah satu faktor pasangan dari Malaysia memilih untuk berkahwin merentasi sempadan.

3.0 METODOLOGI

Artikel ini menggunakan pendekatan kajian sosioperundangan dan ia berbentuk kualitatif dengan menggunakan dua jenis kaedah penyelidikan. Kaedah pertama yang digunakan adalah kajian

perpustakaan, iaitu segala maklumat berkaitan penyelidikan dikumpulkan. Kajian ini menganalisis kes-kes undang-undang serta perundangannya. Kaedah ini menerangkan dan menggambarkan kerangka perundangan sedia ada dan bagaimana ia mencerminkan fenomena semasa perkahwinan rentas-sempadan. Di samping itu, sumber primer undang-undang Islam yang terpakai di Malaysia, statut dan juga kes-kes yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah serta Sivil juga turut dirujuk. Kaedah-kaedah ini adalah sangat penting untuk memastikan pemprosesan data menjadi berkesan dan efektif. Rujukan kepada sumber sekunder seperti jurnal, artikel undang-undang, buku-buku, pendapat pakar-pakar dan tulisan-tulisan juga turut dirujuk. Kaedah kedua pula menggunakan penyelidikan secara lapangan (*field work*) iaitu temubual dijalankan antara pihak-pihak berkuasa seperti pegawai agama di Malaysia dan di Selatan Thailand, Konsulat Jeneral daripada Malaysia di Selatan Thailand, dan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dalam perkahwinan merentasi sempadan. Sebagai contoh, Hakim Mahkamah Syariah, Pendaftar Perkahwinan, Penolong Pendaftar, Pendakwa Syarie dan Pegawai Agama telah ditemubual dalam usaha mendapatkan maklumat secara langsung. Pandangan dan pendapat mereka, terutamanya mengenai permasalahan perkahwinan rentas-sempadan, antaranya alasan pemohon-pemohon untuk tidak mematuhi prosedur piawai dan formaliti perkahwinan, alasan untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut meskipun diakadnikahkan di tempat lain. Selain itu, pandangan dan pendapat mereka mengenai kecukupan penalti sedia ada dan keberkesannya dalam mengawal perkahwinan rentas-sempadan serta beberapa cadangan untuk mengurang dan membendung fenomena ini. Data dari temuramah ini telah dianalisis secara manual. Temubual juga dilakukan terhadap empat orang pemaklum-pemaklum terpilih untuk mengesahkan tindakan mereka berkaitan dengan perkahwinan rentas-sempadan, sebab-sebab dan akibat dari perbuatan mereka itu. Temubual terbuka tersebut dijalankan di antara 20 – 30 minit setiap satunya, dan temubual itu dilakukan oleh penemubual dan isu-isu yang sama berdasarkan objektif kajian ini telah dibangkitkan; tetapi dengan penekanan yang berbeza. Bagi analisis kualitatif, temubual diterjemahkan secara *verbatim*. Isu-isu yang sama seperti sifat perkahwinan rentas-sempadan, faktor-faktor perkahwinan rentas-sempadan, implikasi perkahwinan rentas-sempadan yang akan dikategorikan serta dianalisis berdasarkan tema. Kesemua penemuan-penemuan ini digunakan untuk menyokong hasil dapatan. Bagi memudahkan pemahaman dan pembacaan artikel ini, berikut ialah Jadual 3.1 iaitu maklumat dan latarbelakang nama-nama informan-informan yang terlibat dalam temubual kajian perkahwinan merentasi sempadan beserta tugas dan peranan informan-informan terbabit:

Jadual 3.1: Senarai informan-informan yang ditemubual

Bilangan Informan No.	Nama Informan	Jawatan/Pekerjaan	Tugas atau Peranan untuk ditemubual
1	Tuan Mohd Faizal Razali	Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla Thailand	Konsulat Jeneral berperanan dalam menguruskan hal ehwal rakyat Malaysia di Selatan Thailand dan ini termasuklah dalam hal yang melibatkan perkahwinan dan perceraian rakyat Malaysia di Selatan Thailand
2	Tuan Hj Usman Bin Qasim	Ketua Pegawai Agama Wilayah Satun, Thailand	Beliau berperanan sebagai wali Am wilayah Satun. Beliau memberikan kuasa kepada wali am yang lain di Daerah untuk melangsungkan perkahwinan di wilayah Satun Thailand. Bagi perkahwinan yang melibatkan warga negara Malaysia, Beliau diwajibkan untuk menghantar maklumat perkahwinan tersebut ke Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia untuk disahkan.
3	Tuan Haji Abd Wahab Senwang Abdullah	Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Wilayah Songkhla, Thailand	Beliau berperanan sebagai wali Am wilayah Songkhla. Beliau memberikan kuasa kepada wali am yang lain di Daerah untuk melangsungkan perkahwinan di wilayah Songkhla Thailand. Bagi perkahwinan yang melibatkan warga negara Malaysia, Beliau diwajibkan untuk menghantar maklumat perkahwinan tersebut ke Pejabat

			Konsulat Jeneral Malaysia untuk disahkan.
4	Tuan Mohd Asri Bin Taib	Ketua Pendakwa Syarie Negeri Perlis	Beliau menguruskan kes pendakwaan yang melibatkan perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar dan ini termasuklah perkahwinan merentasi sempadan dimana pasangan Muslim terbabit ingin mendaftarkan perkahwinan di negeri Perlis. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam urusan perundangan Syariah selama 15 tahun. Pernah menjawat Jawatan sebagai Hakim Syarie di Mahkamah Syariah dan peguam di Jabatan Bantuan Guaman.
5	Tuan Che Hassim Bin Haji Deraman	Ketua Pendakwa Syarie Negeri Kelantan	Beliau menjalankan kes pendakwaan yang melibatkan perkahwinan tanpa kebenaran pendaftar dan ini termasuklah perkahwinan merentasi sempadan dimana pasangan Muslim terbabit ingin mendaftarkan perkahwinan di negeri Kelantan. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam urusan perundangan Syariah selama 25 tahun. Beliau Pernah menjawat Jawatan sebagai Hakim Syarie di Mahkamah Syariah Kelantan.
6	Yang Arif Tuan Syeikh Mohd Roze Bin Abd Wahab	Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah	Beliau merupakan seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Kedah dan telah banyak mendengar kes permohonan pendaftaran perkahwinan Poligami dari Selatan Thailand. Beliau berpengalaman luas

			dalam perundangan Syariah selama 25 tahun.
7	Ustazah Rohaizam Abd Rahim	Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk Negeri Perlis	Tugas Pendaftar ialah menyelia penolong pendaftar perkahwinan setiap Daerah di Negeri perlis. Beliau telah menjadi Pendaftar Nikah cerai dan Rujuk selama tujuh tahun dan berpengalaman luas dalam menguruskan pasangan yang melangsungkan Perkahwinan di Selatan thailand
8	Mohd Ali Bin Kasa (Nama Samaran)	Guru (Peserta kajian)	Informan ini telah terlibat dalam perkahwinan merentasi perkahwinan (poligami) dan berumur 47 tahun. Beliau berasal dari Johor
9	Nasrul Bin Najmi (nama samaran)	Usahawan (Peserta kajian)	Informan ini telah terlibat dalam perkahwinan merentasi perkahwinan (poligami) dan berumur 35 tahun. Beliau berasal dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
10	Meor Zaid Bin Zainal (nama samaran)	Usahawan (Peserta kajian)	Informan ini telah terlibat dalam perkahwinan merentasi perkahwinan (poligami) dan berumur 55 tahun. Beliau berasal dari Melaka
11	Khamsiah Bt Mahmod (Nama samaran)	Guru (Peserta kajian)	Informan ini telah terlibat dalam perkahwinan merentasi perkahwinan (poligami) dan berumur 44 tahun. Beliau berasal dari Johor

3.1 Lokasi Penyelidikan

Lokasi utama bagi tujuan penyelidikan ini adalah di Wilayah Selatan Thailand. Sebahagian besar Muslim yang terlibat dengan perkahwinan merentasi sempadan adalah daripada Malaysia dan kebanyakannya mereka berkahwin merentasi sempadan ke wilayah di Selatan Thailand yang telah

mendapat pengiktirafan dari kerajaan Malaysia iaitu Satun, Songkhla, Yala, Narathiwat dan Pattani (Komunikasi Personal dengan Mohd Faizal, Informan 1). Walau bagaimanapun, melalui penyelidikan ini, hanya dua wilayah sahaja yang telah terpilih iaitu wilayah Satun dan Songkhla.

Wilayah Satun merupakan tumpuan pertama dalam penyelidikan Antara wilayah-wilayah yang berjiran dengannya adalah termasuk Trang, Phattalung dan Songkhla. Wilayah ini terletak di antara Semenanjung Malaysia dan di perairan laut Andaman. Satun merupakan salah satu daripada empat wilayah di Thailand yang majoriti penduduknya ialah Muslim. Selain dari itu, wilayah Songkhla juga merupakan salah satu tempat yang menjadi pilihan kepada pasangan Muslim dari Malaysia untuk melangsungkan perkahwinan. Songkhla juga dikenali sebagai Singgora dan ia merupakan salah satu bandar yang terletak di Selatan Thailand, berdekatan dengan sempadan negara Malaysia. Wilayah ini terletak di antara Tasik Songkhla ke Teluk Thailand dan aktiviti perikanan merupakan kegiatan utama kawasan tersebut. Majoriti penduduk di sini beragama Buddha, dan mereka hidup bersama-sama dengan penduduk Muslim terutama sekali yang tinggal berhampiran dengan sempadan negara Malaysia (Samah, Abdullah, & Ferdousi, 2017; Burke, Tweedie, & Poocharoen, 2013).

4.0 PENEMUAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Kerangka Kerja Undang-Undang

Pada dasarnya, Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia tidak mengiktiraf perkahwinan seperti ini kerana telah melanggar prosedur perkahwinan yang ditetapkan di bawah Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Undang-undang di Malaysia, terutama Undang-undang Keluarga Islam bagi setiap negeri tidak mempunyai peruntukan yang khusus dalam mentadbir dan mengawal perkahwinan merentasi sempadan. Harus diingatkan bahawa setiap perkahwinan yang berlangsung di Malaysia perlu mematuhi prosedur yang telah ditetapkan oleh Akta ataupun Enakmen Keluarga Islam di setiap negeri. Akta atau Enakmen Keluarga Islam ini telah meletakkan garis panduan bahawa perkahwinan hanya boleh diijabkabulkan oleh individu yang tertentu seperti Wali Mujbir,¹ di hadapan Pendaftar, melalui wakil daripada Wali Ijbar, di hadapan dan dengan keizinan Pendaftar Perkahwinan, Pendaftar itu sendiri dengan keizinan daripada Wali Ijbar dan

¹Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 telah mendefinisi “*wali Mujbir*” sebagai “bapa atau datuk sebelah bapa dan ke atas”.

Wali Raja yang kebiasaannya merupakan Hakim di Mahkamah Syariah (Seksyen 7(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984).

Peruntukan undang-undang telah menyatakan bahawa Wali Raja atau hakim, mempunyai kuasa untuk mengijabkabulkan seseorang wanita yang tidak mempunyai Wali Nasab (Seksyen 7(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984) atau dalam kes Wali Enggan, iaitu *Wali Mujbir* telah menolak untuk memberi keizinan untuk menikahkan wanita tersebut (Seksyen 13(b) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984).

Selain itu, menurut seksyen 34 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, “Tiada apa-apa jua dalam Akta ini atau dalam kaedah-kaedah yang dibuat di bawah Akta ini boleh ditafsirkan sebagai menjadikan sah atau tidak sah mana-mana perkahwinan yang selainnya sah atau tidak sah semata-mata oleh sebab ia telah didaftarkan atau tidak didaftarkan” (Seksyen 34 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Oleh yang demikian, perkahwinan masih sah di sisi Syarak walaupun tanpa pendaftaran.

Menurut Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984, perkahwinan selepas tarikh yang ditetapkan, tiap-tiap orang yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan dan perkahwinan tiap-tiap orang yang tinggal di luar negeri tetapi bermastautin dalam Wilayah Persekutuan hendaklah didaftarkan mengikut Akta ini (Seksyen 25 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984).

Menurut Seksyen 19 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (1984), “Tiada suatu perkahwinan boleh diakadnikahkan melainkan suatu kebenaran berkahwin telah diberi-

- (a) Oleh Pendaftar di bawah Seksyen 17 atau oleh Hakim Syarie di bawah Seksyen 18, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan; atau
- (b) Oleh pihak berkuasa yang sepatutnya bagi sesuatu Negeri, jika perkahwinan itu melibatkan seorang perempuan yang bermastautin di Negeri itu.” (Seksyen 19 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984)

Berdasarkan peruntukan seksyen tersebut, dapat disimpulkan bahawa perkahwinan yang telah dilangsungkan tanpa kebenaran daripada Pendaftar perkahwinan akan didakwa serta dihukum. Hukuman ini berdasarkan kepada peruntukan seksyen dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 yang menetapkan bahawa kesalahan tersebut mestilah didenda tidak lebih daripada satu ribu Ringgit Malaysia atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali (Seksyen 40(2) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984).

Menurut Seksyen 31(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) (1984), jika mana-mana orang yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan telah berkahwin di luar negeri dengan sah mengikut Hukum Syarak, bukannya suatu perkahwinan yang didaftarkan di bawah Seksyen 24, maka orang itu hendaklah, dalam masa enam bulan selepas tarikh perkahwinan itu, hadir di hadapan Pendaftar Perkahwinan, Penceraian, dan Rujuk Orang Islam yang berhampiran sekali atau yang terdapat dengan paling mudah di luar negeri untuk mendaftarkan perkahwinan itu, dan perkahwinan itu, setelah didaftarkan, hendaklah disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Akta ini (Seksyen 31(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Berdasarkan Seksyen ini, ia dapat disimpulkan bahawa perkahwinan harus didaftarkan dalam tempoh enam bulan selepas perkahwinan di hadapan Pendaftar yang terdekat, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 31 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984.

4.2 Proses Perkahwinan Rakyat Malaysia di Majlis Agama Islam, Selatan Thailand

Perkahwinan yang berlangsung di wilayah Selatan Thailand perlu mendapat persetujuan daripada Majlis Agama Islam wilayah iaitu pasangan tersebut berniat untuk melangsungkan perkahwinan. Menurut Mohd Nasran, pasangan yang ingin melangsungkan perkahwinan perlulah mengisi borang mengenai butir-butir peribadi mereka dan juga borang pengesahan untuk mereka berkahwin (Mohamad, 2008).

Menurut Mohd Nasran lagi, perkahwinan hanya akan dilangsungkan sekiranya pasangan telah memenuhi syarat-syarat dan sijil perkahwinan akan dikeluarkan berserta surat pengesahan yang ditandatangani oleh Presiden Majlis yang kemudiannya akan diserahkan kepada Pendaftar Perkahwinan, Cerai dan Rujuk' di Malaysia (Mohamad, 2008).

Proses tersebut yang telah diterangkan oleh Mohd Nasran melalui kajiannya telah disokong oleh Ustaz Hj Usman iaitu Ketua Pegawai Agama dari Majlis Agama Islam Satun dalam satu sesi temu bual. Beliau berkata;

Kami mewajibkan mereka untuk mengisi kesemua borang-borang yang berkaitan dan juga dokumen, dan kami juga akan menyiasat status mereka... kadangkala apabila berlaku kemusykilan, kami akan menghubungi pihak yang berkenaan di Malaysia untuk mendapatkan maklumbalas

(Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2)

Yuran sebanyak RM300.00 akan dikenakan sekiranya pihak perempuan hendak menggunakan khidmat Wali Am, manakala sebanyak RM150.00 dikenakan untuk Wali Mujbir untuk setiap pasangan (Mohamad, 2008). Tambahan lagi, Mohd Nasran menyatakan bahawa sijil perkahwinan, surat pengesahan perkahwinan dan dokumen lain yang berkaitan akan dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam dari setiap wilayah pasangan tersebut berkahwin (Mohamad, 2008).

Menerusi sesi temubual penyelidikan bersama Majlis Agama Islam dari Satun dan Songkhla, yuran untuk perkahwinan di Satun adalah sebanyak RM350.00 (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2) manakala di Songkhla pula sebanyak RM450.00 (Komunikasi Personal dengan Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Perkara ini menunjukkan bahawa jumlah yuran yang dikenakan di setiap wilayah adalah berbeza. Ini mungkin disebabkan taraf hidup sesuatu masyarakat di kawasan tersebut. Semakin tinggi taraf hidup rakyat di kawasan tersebut semakin tinggi jumlah yuran perkahwinan.

Bagi tujuan dokumentasi di bawah Undang-undang di Malaysia, Majlis Agama Islam Satun dan Majlis Agama Islam Songkhla akan mengeluarkan tiga dokumen yang penting kepada setiap pasangan. Pertama, surat yang membuktikan perkahwinan. Surat hanya akan dikeluarkan setelah kesemua borang-borang yang diisi oleh pasangan tersebut diperiksa. Sekiranya pihak Majlis berpuas hati dengan dokumen tersebut, barulah pasangan itu akan diberikan kebenaran untuk berkahwin (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2).

Dokumen kedua pula, satu surat sokongan akan dikeluarkan kepada pasangan bagi menguatkan surat membuktikan perkahwinan tersebut (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2; Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Bagi tujuan itu, hanya lima orang sahaja

yang mempunyai kuasa yang boleh menandatangani dokumen tersebut bagi setiap wilayah (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2; Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Kesannya, tandatangan selain daripada lima orang tersebut akan dianggap sebagai tidak sah (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2; Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Hal ini merupakan satu keperluan baharu kerana, sebelum ini sesiapa sahaja yang bekerja di Majlis Agama Islam mempunyai kuasa untuk menandatangani dokumen tersebut. Akibat daripada kenaikan bilangan kes pemalsuan dokumen, pihak Majlis Agama Islam telah mengambil keputusan untuk hanya memberi kuasa kepada lima orang ini sahaja bagi setiap wilayah untuk menandatangani dokumen yang berkaitan.

Bagi dokumen ketiga ialah surat pengesahan perkahwinan. Pengeluaran surat ini memerlukan surat sokongan oleh Konsulat Jeneral Malaysia di Songkhla untuk memastikan ia adalah sah dan tulen (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2; Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Selain daripada itu, bagi mengelak dan mengatasi sebarang permasalahan sindiket perkahwinan, Majlis Agama Islam telah melantik serta memberi kuasa kepada tiga puluh orang untuk mengkadnikah perkahwinan di setiap wilayah (Komunikasi Personal dengan Ustaz Hj Usman, Informan 2). Bagi mengelakkan sebarang kemusykilan mengenai status sah sesuatu perkahwinan yang diakadnikahkan di wilayah-wilayah tersebut, perkahwinan hanya boleh diakadnikahkan di Pejabat Majlis Agama Islam sahaja (Komunikasi Personal dengan Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Sekiranya diakadnikahkan selain dari pejabat Majlis Agama Islam, perkahwinan tersebut tidak akan diiktiraf oleh pihak Majlis dan kesemua dokumen yang berkaitan tidak akan dikeluarkan kepada pasangan-pasangan dari Malaysia (Komunikasi Personal dengan Ustaz Abd Wahab, Informan 3). Langkah yang diambil oleh Majlis Agama Islam Songkhla dan Satun merupakan langkah yang baik bagi membendung kes penipuan nikah sindiket yang berleluasa di Selatan Thailand.

4.3 Penerimaan Pasangan-pasangan Muslim mengenai Perkahwinan di Selatan Thailand

Kebanyakan informan yang ditemubual bersetuju bahawa keinginan untuk berpoligami merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi kebanyakan mereka untuk berkahwin merentasi sempadan. Nama-nama informan tidak akan didedahkan dan akan dianggap sulit serta persendirian bagi tujuan temubual ini. Maklum balas adalah seperti berikut:

Saya ingin melakukan perkara yang baik... perkahwinan poligami salah satu Sunnah nabi kita, Muhammad... saya memaklumkan kepada isteri pertama saya tentang niat saya untuk berkahwin lagi... pada mulanya, beliau meminta saya untuk melepaskannya...akan tetapi saya mahu menjaga hubungan antara kami, jadi sebab itulah kami datang ke sini...berkahwin secara rahsia tanpa memberitahu isteri pertama

(Mohd Ali Bin Kasa, Informan 8)

Kami telah berbincang. Saya telah memberitahu isteri saya yang saya ingin berpoligami....Dia berat hati untuk memberikan keizinan

(Nasrul Bin Najmi, Informan 9)

Saya datang ke sini sebab saya mahu berkahwin dengan isteri kedua saya... di Malaysia, prosedur sangat ketat dan memakan masa untuk membenarkan poligami

(Meor Zaid Bin Zainal, Informan 10)

Bagi saya...bernikah di Malaysia atau Thailand adalah sama sahaja...tetapi dari sudut prosedur... Malaysia lebih ketat dan tegas... sebab itu kami berkahwin di sini... ia sangat mudah.

(Khamsiah Bt Mahmud, Informan 11)

Oleh itu, berdasarkan maklum balas daripada informan tersebut, maka dapat disimpulkan bahawa, kebanyakan pasangan Muslim yang berkahwin merentasi sempadan disebabkan oleh poligami. Tambahan pula, prosedur yang rumit dan ketat untuk memohon kebenaran berpoligami adalah satu faktor yang mempengaruhi sebab-sebab pasangan memilih untuk berkahwin merentasi sempadan.

4.4 Perbincangan

Perkahwinan merentasi sempadan merupakan salah satu kaedah alternatif untuk berkahwin di antara pasangan Muslim di Malaysia. Kebiasaannya, perkahwinan ini merupakan pilihan pasangan-pasangan yang pada mulanya mempunyai niat untuk berkahwin di Malaysia, akan tetapi, disebabkan oleh halangan yang tertentu, mereka tidak dapat melangsungkan perkahwinan dalam keadaan yang biasa dengan kehadiran ahli keluarga mereka. Pada kebiasaan perkahwinan,

kehadiran ahli keluarga pada majlis perkahwinan adalah sangat penting dan mustahak kerana ia melambangkan persetujuan ahli keluarga dan kaum kerabat terhadap perkahwinan tersebut.

Terdapat beberapa faktor penyumbang kepada perkahwinan merentasi sempadan di kalangan pasangan-pasangan yang terlibat. Faktor-faktor ini boleh dibahagikan kepada faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran juga dikenali sebagai faktor perundangan merupakan perkara yang mempunyai kaitan dengan kesan-kesan perundangan yang telah mempengaruhi pasangan untuk memilih perkahwinan merentasi sempadan. Faktor dalaman dikenali sebagai faktor sosial pula, mempunyai hubungan kait dengan punca-punca yang dapat dikenal pasti melalui sikap dan perlakuan pasangan yang mendorong mereka untuk berkahwin merentasi sempadan.

Memenuhi syarat perkahwinan adalah satu keperluan yang paling penting untuk memastikan perkahwinan itu sah. Berdasarkan peruntukan undang-undang, sesuatu perkahwinan dianggap tidak sah melainkan jika memenuhi kesemua syarat yang diperlukan, menurut Hukum Syarak, untuk menjadikannya sah (Seksyen 11 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984).

Bagi sesiapa yang ingin berpoligami, keperluan terpenting dan perkara pertama yang perlu dilakukan adalah mendapatkan kebenaran daripada pihak Mahkamah (Seksyen 23(1) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Menurut undang-undang, sebelum memberikan kebenaran untuk berpoligami, mahkamah akan menjalankan perbicaraan tertutup di antara pemohon (suami) dan isteri atau isteri-isterinya (Seksyen 23(4) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984).

Bagi mendapatkan kebenaran tersebut, pertama seorang suami mesti menerangkan dan membuktikan kepada Mahkamah tujuan perkahwinan yang kedua diperlukan (Seksyen 23(4)(a) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984), dan yang keduanya, suami harus membuktikan bahawa dia mampu untuk menanggung kos sara hidup isteri yang sedia ada atau isteri-isteri dan tanggungannya serta bakal isterinya (Seksyen 23(4)(b) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Perkara ketiga pula, suami haruslah mampu untuk memberi layanan yang adil kepada semua isterinya (Seksyen 23(4) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Keempat, suami tidak menyebabkan sebarang kemudaratan mental atau fizikal kepada isteri atau isteri-isteri (Seksyen 23(4)(d) Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Oleh yang demikian, jelas terdapat beberapa langkah atau prosedur yang perlu dipatuhi dan diikuti sebelum

pemohon mendapat kebenaran Mahkamah untuk berpoligami. Sekiranya terdapat pemohon yang tidak sabar untuk menunggu permohonan ini diluluskan, maka jalan yang terbaik adalah memilih meneruskan perkahwinan merentasi sempadan (A. Shukor, Yusof, Ghulam Khan, & Hashi, 2013; Kamaruddin & Abdullah, 2008; Md Said, Md Hashim, Abd Hak, & Che Soh, 2018).

Abdullah (2007) dalam penyelidikan beliau telah mendapati bahawa seorang suami yang merasakan kesemua prosedur untuk mendapatkan kebenaran mahkamah untuk berpoligami adalah sukar, maka akan memilih untuk berkahwin merentasi sempadan. Menurut penyelidikan yang dijalankan oleh Mohd Nasran, 17 daripada 80 perkahwinan merentasi sempadan di Selatan Thailand adalah disebabkan perkahwinan poligami (Mohamad, 2008). Kenyataan ini disokong oleh penyelidikan Noraini Md Hashim yang merekodkan 261 daripada 680 responden berkahwin merentasi sempadan untuk tujuan yang sama (Md Hashim, 2009). Menurut Kamaruddin and Abdullah (2008), apabila pasangan mendapati bahawa terdapat kemungkinan permohonan untuk mendapatkan kebenaran akan ditolak oleh Mahkamah, mereka dengan segera akan memilih untuk berkahwin merentasi sempadan. Penemuan ini dipersetujui oleh Muhammad (2009) dan Arifin (2009) iaitu mereka mendapati bahawa perbuatan suami untuk berkahwin lagi di sempadan adalah untuk mengelakkan daripada diketahui oleh isteri atau isteri-isteri yang sedia ada (*Fernando Vadillo V. Alawiyah Bt Abdul Rahman* [2012]). Menerusi kes *Fernando Vadillo V. Alawiyah Bt Abdul Rahman* [2012], pihak suami dan pihak isteri yang terlibat telah melangsungkan poligami di Scotland. pihak suami dan pihak isteri yang terlibat pulang ke Malaysia untuk mendaftarkan perkahwinan tersebut. Mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan di antara pihak suami dan pihak isteri adalah sah dan boleh didaftarkan kerana ia memenuhi semua syarat.

4.5 Globalisasi dan Kaitannya dengan Perkahwinan Merentasi Sempadan

Perkahwinan merentasi sempadan yang melibatkan warga asing dan rakyat Malaysia sejak kebelakangan ini semakin meningkat dari semasa ke semasa. Peningkatan perkahwinan jenis ini boleh dikaitkan dengan cabaran globalisasi yang melibatkan pelajar-pelajar antara dua benua bertembung, pelancong-pelancong atau ahli perniagaan warga asing berjumpa dengan warga tempatan seterusnya menjalin hubungan dan kesannya pihak-pihak yang terlibat membuat keputusan untuk berkahwin sama ada di Malaysia atau di luar Malaysia. Perkahwinan seperti ini pada kebiasaannya melibatkan isu-isu perundangan serta sosial yang mengakibatkan hal-hal yang berkaitan dengan undang-undang diabaikan. Perkara ini boleh dizahirkan dengan satu laporan kes

yang melibatkan perkahwinan warga Malaysia dengan warga Bangladesh. Menurut kes *Re Sharmyla Bt Aziz* dan lain-lain, dalam kes ini Pihak Plantif pertama dan pihak Plaintiff kedua telah melangsungkan perkahwinan pada 22 November 2003 di Majlis Agama Islam Songkhla, Thailand. Perkahwinan tersebut telah berwalikan *wali am* bernama Hj Abdul Rahman Kayem yang juga bertindak sebagai juru nikah serta disaksikan oleh dua orang saksi lelaki warganegara Thailand. Plantif pertama dan kedua mengambil keputusan untuk bernikah di Thailand kerana dakwaan halangan birokrasi iaitu Plaintiff kedua perlu mendapat kebenaran daripada kedutaan Bangladesh serta pihak imigresen. Menurut Plaintiff kedua, beliau telah cuba mendapat kebenaran tersebut tetapi tidak berjaya kerana pihak kedutaan Bangladesh dikatakan tidak boleh memberi kebenaran atas arahan Perdana Menteri negara Bangladesh. Berdasarkan kes tersebut, pihak mahkamah memutuskan bahawa perkahwinan itu adalah sah dan boleh didaftarkan di bawah undang-undang di Malaysia. Pihak Mahkamah berpendapat bahawa telah menjadi satu persefahaman umum kedua-dua belah pihak kerajaan Malaysia dan Bangladesh, Perkara ini telah menjadi dasar kedua-dua negara dalam menangani masalah lelaki Bangladesh yang berkahwin dengan wanita tempatan demi menjaga kebajikan wanita tersebut menjadi mangsa kesan dari sudut undang-undang terutamanya mengenai masalah kerakyatan. Namun begitu, pihak Mahkamah berpendapat, menurut undang-undang, pihak yang boleh memberi kebenaran berkahwin adalah Pendaftar Nikah Cerai dan Rujuk' (Seksyen 19 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan), 1984). Justeru itu, amat difahami dari kes tersebut bahawa terdapat permasalahan yang timbul dari perkahwinan merentasi sempadan yang melibatkan warga asing. Namun begitu, kerajaan Malaysia cuba untuk melindungi rakyatnya dengan membuat perjanjian persefahaman antara negara-negara yang terlibat.

Selanjutnya, kesan dan cabaran globalisasi terhadap institusi kekeluargaan menyebabkan timbulnya berbagai-bagai masalah baharu seperti perkahwinan merentasi budaya, kaum dan etnik serta perbezaan warna kulit tanpa mengira bangsa dan keturunan (Abd Rashid, Hussin, & Tubah, 2006). Isu ini boleh diterjemahkan melalui amalan perkahwinan merentasi sempadan jika warga tempatan telah melangsungkan perkahwinan dengan warga asing. Perkenalan, percintaan dan perkahwinan boleh berlaku apabila informasi teknologi dan saluran-saluran komunikasi dunia tanpa sempadan telah berkembang dengan pesat (Abd Rashid et al., 2006). Tambahan pula, dengan kemajuan infrastruktur dan pengangkutan, pasangan-pasangan tersebut boleh berjumpa dan membuat keputusan untuk berkahwin merentasi sempadan dalam masa yang pantas. Konsep dunia

tanpa sempadan yang diakibatkan oleh globalisasi, membuka interaksi yang luas dari segi komunikasi antara timur dan barat (Abd Rashid et al., 2006). Malahan, globalisasi juga mendorong peningkatan eksploitasi imej dan status wanita sebagai alat perdagangan dan perniagaan (Abd Rashid et al., 2006). Pernyataan ini dapat dijelaskan melalui kes eksploitasi warga asing terhadap warga tempatan dengan menjadikan warga tempatan khususnya wanita sebagai platform untuk melakukan sesuatu yang berlawanan dengan undang-undang Malaysia (“Anak diganggu Awang Hitam”, 2013). Situasi ini merupakan satu cabaran yang menyulitkan bagi melindungi hak wanita dan dalam masa yang sama ia mencabar institusi kekeluargaan (Md Said et al., 2018). Sehubungan dengan itu, amat diharapkan pihak berkuasa tempatan mengambil peranan sewajarnya bagi membanteras sebarang ketidakadilan dan kezaliman yang berlaku ke atas warga Malaysia yang terlibat dalam kes perkahwinan merentasi sempadan. Hal ini agar memberi kesedaran kepada mereka supaya tidak terlibat dalam kes bercanggahan dengan undang-undang.

4.6 Cadangan

Terdapat beberapa cadangan bagi mengatasi masalah-masalah yang dibincangkan seperti di atas. Antaranya adalah seperti berikut:

4.6.1 Mengadakan kempen kesedaran perundangan oleh Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Salah satu objektif utama Jabatan Bantuan Guaman (JBG) adalah untuk mewujudkan serta menggalakkan kesedaran perundangan dalam kalangan ahli komuniti. Berikutan itu, mesej kesedaran perundangan ini dapat diperluaskan dan disampaikan melalui khidmat nasihat (Seksyen 29 Akta Bantuan Guaman, 1971). Maklumat yang jelas berkenaan Undang-undang Keluarga Islam harus disebarkan kepada orang awam, terutama kepada golongan belia. Perkara ini boleh dilakukan menerusi pelbagai saluran media yang sedia ada. Oleh yang demikian, penyelidikan ini mencadangkan supaya JBG dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menganjurkan lebih banyak kempen-kempen di lapangan mengenai kesan-kesan dari segi perundangan berkenaan perkahwinan sebegini serta kepentingan untuk mendaftar perkahwinan bagi memelihara institusi kekeluargaan.

4.6.2 Mengenakan hukuman yang lebih relevan dengan kesalahan perkahwinan rentas sempadan.

Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, ramai pasangan memilih untuk kahwin lari kerana beranggapan bahawa mereka boleh mendaftarkan perkahwinan mereka dalam negara dengan mudah melalui Program Pemutihan ataupun sekadar membayar denda tidak melebihi RM1,000.00. Hukuman berbentuk kebendaan ini kebiasaannya mampu dibayar oleh pasangan dan ia tidak terlalu memberikan kesan kepada pasangan. Sejalan dengan usaha memartabat dan menaikkan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana dalam peruntukan Rang Undang-undang 355, hukuman berbentuk mendidik perlu diperkenalkan berbanding menjatuhkan menghukum berat. Antara contoh yang boleh diketengahkan adalah dengan menambahkan hukuman khidmat masyarakat kepada kedua-dua pasangan sebagai tambahan kepada hukuman denda sedia ada. Perintah khidmat masyarakat ini pada asalnya hanya boleh dikenakan terhadap pesalah muda sahaja (Seksyen 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah). Namun begitu, mulai 1 Januari 2017, melalui Akta Kanak-kanak (Pindaan) 2016 (Akta A1511), aplikasi perintah khidmat masyarakat telah dilanjutkan kepada ibu bapa dan penjaga dalam kes-kes yang melibatkan pengabaian terhadap kanak-kanak (Seksyen 31, 32, dan 33 Akta Kanak-kanak, 2001), dan pesalah kanak-kanak itu sendiri (Seksyen 91(1)(da) Akta Kanak-kanak, 2001). Perkara ini menunjukkan perintah khidmat masyarakat ini adalah amat relevan dalam kes-kes yang melibatkan hal ehwal kekeluargaan. Mahkamah boleh menetapkan tempoh dan agereget tertentu bagi pasangan tersebut melaksanakan khidmat masyarakat. Bahkan, pihak yang akan melaksanakannya seperti Jabatan Agama Islam perlulah merangka modul yang ideal bagi pesalah yang berkahwin rentas sempadan ini. Selain daripada dikehendaki melakukan kerja-kerja amal secara percuma, adalah dicadangkan agar modul tersebut mengandungi keperluan bagi pasangan ini untuk menyertai kursus pasca perkahwinan dan majlis-majlis ilmu yang dianjurkan oleh institusi-institusi berkaitan. Bagi mencapai tujuan ini, Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang melibatkan pelbagai agensi adalah sangat relevan. Program pendidikan dan kerohanian seperti ini bukan sahaja dapat memberikan mereka ilmu kekeluargaan, malahan ia dapat meningkatkan kesedaran serta jati diri pasangan ini. Namun begitu, kegagalan pasangan ini mematuhi perintah khidmat masyarakat ini akan dianggap sebagai ingkar perintah mahkamah dan sewajarnya dikenakan tindakan komital.

5.0 KESIMPULAN

Sebagai konklusinya, fenomena perkahwinan merentasi sempadan yang berlaku di Malaysia merupakan satu tindak balas kepada Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia yang dikatakan sangat rumit dan sukar seterusnya telah menghalang kebebasan setiap pasangan untuk berkahwin. Namun, harus diingatkan dalam Islam, perkahwinan merupakan suatu ikatan yang suci di antara dua jiwa mengikut undang-undang. Sehubungan dengan itu, undang-undang yang sedia ada merupakan suatu perlindungan yang menyeluruh bagi pasangan yang ingin memelihara kebahagiaan rumah tangga dari anasir-anasir buruk. Tambahan pula, hak-hak pasangan Muslim akan sentiasa terpelihara dan terjaga oleh undang-undang yang sedia ada. Selain dari itu, perkahwinan yang berdasarkan undang-undang juga akan memberikan perlindungan kepada anak-anak yang dilahirkan oleh pasangan tersebut. Hal ini kerana, undang-undang hanya mengiktiraf anak-anak yang sah taraf dari segi hukum syarak dan undang-undang yang berkuatkuasa pada masa tersebut. Oleh yang demikian, amat diperlukan pendaftaran perkahwinan mengikut undang-undang yang berkuatkuasa pada masa tersebut demi melindungi masa hadapan anak-anak tersebut. Kesimpulannya, fenomena perkahwinan merentasi sempadan di Malaysia adalah sama sekali bertentangan dengan falsafah perkahwinan dan ia boleh dianggap sebagai satu epidemik yang akhirnya melemahkan institusi kekeluargaan Islam di Malaysia. Oleh itu, satu pendekatan yang lebih proaktif dari aspek pencegahan dan penguatkuasaan perlu diambil bagi membendung masalah ini sebelum ia menular menjadi barah dalam masyarakat.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2018-021) Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

RUJUKAN

- A. Shukor, H., Yusof, N., Ghulam Khan, I. N., & Hashi, H. (2013). Kahwin lari: Satu cadangan keperluan hukuman alternatif. *In Proceeding of the Global Conference on Business, Economics and Social Sciences, Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia* (pp. 218-219). World Research Conference.
- Abd Rashid, A. R., Hussin, S., & Tubah, J. (2006). *Institusi keluarga menghadapi cabaran alaf baru*. Utusan Publication dan Distributors.

- Abd Hak, N., Md Said, M. H., Md Hashim, N., & Che Soh, R. (2017). Cross-border marriages: Socio-legal knowledge among Muslims in Malaysia. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 25(S), 135-144.
- Abdullah, R. (2007). Polygamy without the Shariah court's permission in Malaysia: A socio legal perspective. *Malaysian Journal of Social Administration*, 4(1), 11-26.
- Anak diganggu awang hitam. (2013, May 30). *Sinar Online*. Retrieved from <http://www.sinaronline/anak/diganggu/awang/hitam>
- Arifin, M. (2009). Kahwin lari: Masalah dan penyelesaiannya. In A. Ibrahim & H. M. Hashim (Eds.), *Undang-undang keluarga & prosedur* (pp. 11-18). International Islamic University Malaysia.
- Burke, A., Tweedie, P., & Poocharoen, O. (2013). The contested corners of Asia: Subnational conflict and international development assistance the case of southern Thailand, Retrieved from <https://asiafoundation.org/publication/the-case-of-southern-thailand/>
- Ghulam Khan, I. N., Hashim, H., A. Shukor, H., & Yusof, N. (2012). *Nikah sindiket di Malaysia*. Penerbitan Usim.
- Kamaruddin, Z., & Abdullah, R. (2008). Protecting Muslim women against abuse of polygamy in Malaysia: Legal perspective. *Journal of Women of the Middle East and the Islamic World*, 6(2), 176-201.
- Matthew, H. A., & Johan, L. (2005). Frontiers, sovereignty and marital tactics: Comparisons from the Borneo highlands and the Indonesia-Malaysia Singapore growth triangle. *The Asia Pacific Journal of Anthropology*, 6(1), 1-17.
- Mohammad, I. (2009). Kahwin lari: Pengalaman majlis agama selatan Thailand. In N. Mohd Zin et al. (Eds.), *Siri isu-isu mahkamah Syariah, undang-undang keluarga dan prosidur* (pp. 31-40). Jabatan Undang-undang Islam, Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Mohamad, M. N. (2008). *Perkahwinan luar negara tanpa kebenaran di selatan Thailand* (Edisi Pertama). Fakulti Pengajian Islam.
- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abd Hak, N., & Che Soh, R. (2018). A study of elopement among the Muslims in Malaysia and Island of Lombok, Indonesia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 1(7), 104-114.

- Md Said, M. H., Md Hashim, N., Abd Hak, N., Wok, S., & Che Soh, R. (2019). Socio-legal implications of cross-border marriage among Muslims in Malaysia: An empirical study. *Al-Shajarah, Journal of Islamic Thought and Civilization of The International Islamic University Malaysia*, 24(1), 67-96.
- Md Hashim, N. (2009). *Registration of marriage in Malaysia: A socio-legal study of runaway marriages among Muslim*. (Unpublished doctoral thesis). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Md Hashim, N. (2011). Cross Border Marriages (CBM): A comparative study on the profiles and factors of CBM among Malays in Malaysia. *IIUM Law Journal Special Edition*, 1(1), 97-117.
- Muhammad, D. (2009). Kahwin lari di Malaysia: Perspektif umum dan penilaian. Dalam N. Mohd Zin et al. (Eds.), *Siri isu-isu mahkamah Syariah, undang-undang keluarga dan prosidur* (pp. 4-10). Jabatan Undang-undang Islam, Fakulti Undang-undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa.
- Samah, M., Abdullah, R., & Ferdousi, N. (2017). Muslim family law in southern Thailand: A historical overview. *Journal of Muslim Minority Affairs*, 37(3), 357-370.